



**KERATAN AKHBAR**  
**5 Okt 2020 (Isnin)**

**Berita Harian**

- Dua loji rawatan air henti operasi, 273 lokasi terjejas 1  
JAS buat pemeriksaan kenal pasti kaedah lupus sisa klinikal 2  
Semua klinik perlu ikut peraturan 3

**Utusan Malaysia**

- Lagi gangguan air, lebih sejuta terjejas 4

**Harian Metro**

- Siap sedia terima pesakit bukan Covid-19 dari HSB 5  
Mahasiswa di Selangor dapat 3 bentuk bantuan 6  
Bekalan air empat wilayah terjejas 7

**Kosmo**

- 'Kami bukannya korek emas di sini'  
Mengesan kebocoran gas di pelantar minyak 8  
35 belia wanita sertai kem 'Zero to Hero' 9  
10

**Sinar Harian**

- Gangguan bekalan air tidak berjadual di empat daerah 11  
Bantu pelajar terjejas 12

**The Star**

- Derelict houses in PJ more than just an eyesore 13  
FREE USAGE OF FACILITIES 14  
Klang Valley taps go dry again 15  
More properties abandoned in recent years 16  
Flash floods at Jalan 19A, Selayang need to be addressed 17  
Leaning on reserves to face deficit 18  
Aid underway for students left in the lurch 19  
PUSH FOR ONLINE BUSINESS 20

**New Straits Times**

- ANOTHER POLLUTION EPISODE HITS WATER SUPPLY 21

**The Sun**

- S-Daico sees long term value in aerospace industry 22

**The Malaysian Reserve**

- Selangor govt to help out affected IPT students 23



## KERATAN AKHBAR

5 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Dua loji rawatan air henti operasi, 273 lokasi terjejas
Muka Surat	:	8

# Dua loji rawatan air henti operasi, 273 lokasi terjejas

Gangguan bekalan akibat pencemaran di Sungai Semenyih

Oleh Ruwaida Md Zain  
cnews@NSTP.com.my

**Shah Alam:** Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan LRA Bukit Tamboi dekat sini, terpaksa dihenti tugas sepenuhnya susulan pencemaran air mentah di Sungai Semenyih, semalam.

Insiden itu menyebabkan bekalan air ke 273 kawasan membabitkan 309,605 akaun pengguna mengalami gangguan tidak berjadual.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn

Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata gangguan bekalan air tidak berjadual membabitkan empat wilayah iaitu Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

"Kami sudah melaporkan insiden ini kepada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan tindakan untuk mengenal pasti punca pencemaran Sungai Semenyih dan anak sungai di sekitarnya giat dijalankan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Elina berkata, Air Selangor sudah mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) bagi menggiatkan bantuan kepada pengguna yang terjejas berikutan insiden berkenaan.

"Pada masa ini, kami masih belum dapat menjangkakan tempoh masa pengoperasian semula loji dan pemulihan bekalan. Air Selangor akan memaklumkan perkembangan berkaitan insiden ini dari semasa ke



Elina Baseri

semasa menerusi semua medium khususnya media massa," katanya.

Katanya, pengguna boleh merujuk perkembangan insiden berkenaan melalui aplikasi Air Selangor, semua saluran rasmi media sosial syarikat itu termasuk Facebook, Twitter, Instagram Air Selangor dan laman wwwairselangor.com untuk maklumat berkenaan.

Pencemaran sumber air mentah utama untuk LRA Sungai Semenyih dan LRA Bukit Tamboi itu adalah yang kedua berlaku di Lembah Klang dalam tempoh kira-kira sebulan, selepas pencemaran Sungai Gong di Rawang, awal bulan lalu.

Dalam insiden terdahulu, sebanyak 1,292 kawasan di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air berikutan pencemaran Sungai Gong akibat pencemaran minyak dari industri berhampiran sehingga menjelaskan kira-kira lima juta pengguna.

Tujuh wilayah berkenaan ialah Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat. Susulan itu, empat ahli lembaga pengarah dan seorang pengurus syarikat membaki jentera berat didakwa di mahkamah sebelum dibenarkan ikat jamin.



## KERATAN AKHBAR

**5 October 2020**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	JAS buat pemeriksaan kenal pasti kaedah lupus sisa klinikal
Muka Surat	:	8

### JAS buat pemeriksaan kenal pasti kaedah lupus sisa klinikal

**Kuala Lumpur:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan melakukan operasi memeriksa klinik swasta bagi mengenal pasti kaedah pelupusan sisa klinikal di setiap premis berkenaan.

Ketua Pengarahan, Norlin Jaafar, berkata selain mengemukakan data lengkap proses pembuangan sisa klinikal, pengusaha klinik perlu memaklumkan kaedah pelupusan ubat yang tamat tempoh untuk memastikan ia diurus mengikut arahan dan peraturan ditetapkan.

"Sebelum ini, kita periksa kilang yang melepaskan sisa industri ke dalam sungai, tetapi dalam operasi seterusnya, kita akan turut menyasarkan premis lain yang berpotensi mengeluarkan sisa klinikal berbahaya seperti klinik.

"Setiap klinik perlu memastikan sisa klinikal dilupuskan mengikut peraturan berjadual dan kaedah ditetapkan. Mereka perlu menyimpan rekod pelupusan, selain perlu berdaftar dengan JAS," katanya kepada *BH*, semalam.

Mengulas lanjut, Norlin berkata, sisa klinikal adalah sesuatu yang berbahaya kerana ia mungkin mengandungi kuman, bakteria atau virus yang tidak dapat dikesan pada pandangan mata kasar, seterusnya menimbulkan risiko kesihatan pada manusia.

"Sisa klinikal hospital seperti jarum bedah dan kapas biasanya dilupuskan melalui pembakaran, tetapi bukan pembakaran terbuka. Ia dilupuskan melalui proses sudah ditetapkan untuk memastikan setiap kuman, virus atau bakteria yang ada dihapuskan.

"Disebabkan itu, kami juga memohon pengusaha klinik berdaftar dengan sistem eSWIS yang dibangunkan JAS untuk memastikan sisa itu dilupuskan secara teratur," katanya.

Beliau berkata, pihaknya terkejut apabila menjumpai sisa klinikal dibungkus dalam bekas makanan haiwan sebelum dibuang ke Sungai Gong di Rawang, Selangor ketika aktiviti gotong-royong Kementerian Air dan Sumber Asli, kelmarin.

"Itu kali pertama JAS menemu sisa klinikal dalam sungai. Tindakan tegas perlu diambil untuk memastikan perkara sama tidak berulang. Jika kementerian tidak buat gotong-royong, pasti sukar mengesan kesalahan ini.

"Inilah kelebihan kewujudan inisiatif Denai Sungai kerana ia membolehkan orang ramai memainkan peranan. Kami percaya ini bukan kali pertama sisa klinikal dibuang di situ dan kini menunggu laporan Jabatan Kimia untuk tindakan lanjut," katanya.



## KERATAN AKHBAR

5 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Semua klinik perlu ikut peraturan
Muka Surat	:	8

*Klinik haiwan dikesan buang sisa klinikal di Sungai Gong*

# Semua klinik perlu ikut peraturan

**Kuala Lumpur:** Semua klinik swasta, sama ada merawat manusia atau haiwan perlu mengikuti garis panduan ketat dalam pengurusan pelupusan sisa klinikal kerana kecuaian dalam aspek itu boleh membahayakan kesihatan awam.

Presiden Persatuan Doktor-Doktor Veterinar Asia, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam, berkata seperti klinik lain, klinik haiwan tidak terkecuali perlu mematuhi peraturan ditetapkan kerana sisa klinikal seperti jarum atau kapas mengandungi kuman atau bakteria.

"Sisa klinikal seperti jarum atau kapas mengandungi kuman atau bakteria boleh merebak ke tempat lain. Sebab itu, setiap klinik termasuk klinik haiwan per-

lu mengikuti garis panduan Kementerian Kesihatan, terutama dalam pelupusan sisa klinikal.

"Jika sisa klinikal tidak dilupuskan dengan betul, kita bimbang penyakit, kuman atau bakteria yang ada pada sisa itu mengakibatkan jangkitan yang tidak sepertutnya. Inilah tujuan utama prosedur pelupusan sisa klinikal diwujudkan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

*BH* difahamkan, semua ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat haiwan adalah berbahaya jika tidak dilupuskan dengan betul.

Mengulas tindakan sebuah klinik haiwan membuang sisa klinikal ke dalam Sungai Gong di Rawang, beliau menyifatkan ia perbuatan tidak bertanggungja-

wab dan tidak sepatutnya berlaku dalam sektor perkhidmatan berkenaan.

"Perbuatan dilakukan klinik berkenaan adalah salah kerana tidak mengikuti garis panduan klinikal, sekali gus boleh memberi kesan besar kepada alam sekitar serta membahayakan kesihatan awam," katanya.

Kelmanin, *BH* melaporkan, sebuah klinik haiwan dikesan membuat sisa klinikal seperti jarum, picagari dan bekas dipercayai digunakan dalam pembedahan yang masih mempunyai kesan darah.

Penemuan oleh pegawai penyiasat Jabatan Alam Sekitar (JAS) itu turut disaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Dr Zaini Ujang yang menyertai gotong-royong membersihkan sebahagian Sungai Gong untuk dijadikan denai.

Berikut itu, JAS membuka kertas siasatan dan mengambil tindakan mengikut Seksyen 3b Akta Kualiti Alam Sekeling 1974.

Dr Quaza Nizamuddin berkata, setiap doktor haiwan mempunyai kod etika ketat dan perlu dipatuhi.

Katanya, klinik swasta biasanya menyerahkan urusan pelupusan sisa klinikal kepada syarikat luar mempunyai kelulusan berkaitan kerana bahan itu tidak boleh dibuang sewenang-wenangnya.



*Klinik haiwan tidak terkecuali perlu mematuhi peraturan ditetapkan kerana sisa klinikal seperti jarum atau kapas mengandungi kuman atau bakteria.*

**Quaza Nizamuddin Hassan Nizam,**  
Presiden Persatuan Doktor-Doktor Veterinar Asia

Awal bulan lalu, 1,292 kawasan di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang mengalami gangguan belum air berikutan pencemaran Sungai Gong akibat pencemaran minyak dari industri berham-piran sehingga menjelaskan kira-kira lima juta pengguna.



*Keratan akhbar BH Ahad semalam.*



## KERATAN AKHBAR

5 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Lagi gangguan air, lebih sejuta terjejas
Muka Surat	:	2

# Lagi gangguan air, lebih sejuta terjejas

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI  
hafizyusoff@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Isu gangguan bekalan air dikaitkan dengan pencemaran belum selesai malah semakin kerap sehingga membebankan pengguna di Lembah Klang, terutamanya Selangor.

Walaupun tindakan dan amaran diberikan terhadap mereka yang bertanggungjawab menjadi punca kepada sumber air tercemar namun perkara sama terus berlaku.

Terbaharu, sebanyak 309 687 akaun dengan lebih sejuta pengguna di 274 kawasan di Selangor terjejas akibat pencemaran air mentah di Sungai Semenyih.

Gangguan bekalan air dijangka menjejaskan empat kawasan iaitu Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Ketua Komunikasi Korporat,

### Dari muka 1

Ketua Komunikasi Korporat, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor), Elina Basri berkata, berikutnya pencemaran itu Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihenti tugas.

Menurut beliau, pihak Air Selangor memaklumkan insiden tersebut kepada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) untuk mengenal pasti punca pencemaran air mentah di sepanjang Sungai Semenyih dan sungai sekitarnya.

"Pihak Air Selangor telah mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) bagi menggiatkan bantuan kepada pengguna yang terjejas.

"Namun, kami belum dapat menjangkakan tempoh masa pengoperasian semula loji dan pemulihan bekalan dalam kenyataan malam tadi.

Elina berkata, Air Selangor akan memaklumkan perkembangan berkaitan bekalan air dari semasa ke semasa menerusi semua medium khususnya media massa.

Ini bukan kali pertama ke-

jadian gangguan bekalan air membabitkan pencemaran sungai.

Bulan lalu, akibat pencemaran Sungai Gong di Rawang telah menjejaskan 1.2 juta akaun pengguna di 1,292 kawasan di Lembah Klang.

Masalah yang berlarutan kira-kira seminggu menyumbulkan tidak puas hati dalam kalangan pengguna.

Berikutnya kejadian itu juga, empat adik beradik pemilik sebuah bengkel mencuci jentera dihadapkan ke mahkamah kerana mencemarkan Sungai Gong.

# Lagi gangguan air, lebih sejuta terjejas

Bersambung di muka 2



## KERATAN AKHBAR

5 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Siap sedia terima pesakit bukan Covid-19 dari HSB
Muka Surat	:	4

# Siap sedia terima pesakit bukan Covid-19 dari HSB

**Shah Alam:** Semua hospital di Selangor diminta bersiap sedia menerima pesakit bukan Covid-19 dari Hospital Sungai Buloh (HSB).

Pengarah Kesihatan Selangor, Dr Sha'ari Ngadiaman berkata, pihaknya sudah mengeluarkan surat rasmi bertarikh 2 Oktober lalu kepada semua pengarah hospital di negeri ini bagi memaklumkan perkara terbabit.

"Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) mengeluarkan surat pada 2 Oktober lalu kepada semua hospital di Selangor agar

bersiap siaga dan pihak hospital sudah ambil maklum akan perkara ini.

"Kita sudah melaksanakannya sebelum ini pada Mac lalu. Bila sudah reda, keadaan kembali kepada asal dan sekarang kes bertambah. Jadi, kini semua hospital sentiasa siapsiaga dalam perkara ini," katanya.

Menurutnya, dalam surat berkenaan, JKNS juga meminta HSB agar bersiap segera bagi penukaran status dari Hospital *Hybrid* Covid-19 ke Hospital *Full Covid-19* berdasarkan arahan diberikan.



## KERATAN AKHBAR

5 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Mahasiswa di Selangor dapat 3 bentuk bantuan
Muka Surat	:	6

# Mahasiswa di Selangor dapat 3 bentuk bantuan

**Selangor:** Kerajaan negeri mengambil inisiatif memberikan tiga bentuk sumbangan kepada mahasiswa membabitkan bantuan pengangkutan untuk pulang ke kampung, makanan serta pelitup muka dan pensanitasi tangan.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, melalui Kaukus Adun Muda Selangor menyalurkan bantuan awalan dengan kerjasama Team Selangor, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Mahasiswa Keadilan dan Biro Mahasiswa AMK Malaysia.

“Program ini memfokuskan bantuan kepada tiga kategori mahasiswa iaitu mahasiswa di Selangor yang belajar di Selangor, mahasiswa dari negeri lain yang belajar di Selangor dan mahasiswa Selangor yang belajar di negeri lain.

“Kerajaan negeri dalam rangka mengumpulkan maklumat sebelum agihan pengangkutan kepada mahasiswa yang perlu pulang ke kampung atau bantuan makanan atau pelitup mukadan pensanitasi tangan,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.



## KERATAN AKHBAR

5 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bekalan air empat wilayah terjejas
Muka Surat	:	11

# Bekalan air empat wilayah terjejas

**Shah Alam:** Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihenti tugas sepenuhnya ekoran insiden pencemaran air mentah di Sungai Semenyih yang menjadi sumber air mentah ke loji-loji berkenaan.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Elina Baseri berkata, henti tugas loji-loji itu akan menyebabkan 273 kawasan terjejas membabitkan 309,605 akaun pengguna yang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual.

"Gangguan ini membabitkan empat wilayah iaitu Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

"Air Selangor sudah melaporkan insiden ini kepada

Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan tindakan untuk mengenal pasti punca pencemaran air mentah di sepanjang Sungai Semenyih dan anak sungai di sekitar sungai itu sedang giat dijalankan," katanya.

Elina berkata, Air Selangor sudah mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) - bagi menggiatkan bantuan kepada pengguna yang terjejas.

"Pada masa ini, pihak kami masih belum dapat menjangkakan tempoh masa pengoperasian semula loji dan pemulihan bekalan. Air Selangor akan memaklumkan perkembangan berkaitan dengan insiden ini dari semasa ke semasa menerusi semua medium khususnya media massa," katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**5 October 2020**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	'Kami bukannya korek emas di sini'
Muka Surat	:	17

200 peneroka bantah pembinaan lombong, kecewa kenaikan sewa bulanan

## **'Kami bukannya korek emas di sini'**

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KUALA SELANGOR - Nasib kira-kira 200 peneroka kelapa sawit Taman Agroteknologi Pertanian Bestari Jaya di sini dibaratkan seperti sudah jatuh ditimpak tangga apabila bukan sahaja berdepan harga kelapa sawit yang tidak menentu, malah turut ditekan dengan kenaikan harga sewaan tanah tinggi.

Lebih menyedihkan, apabila para peneroka tersebut berdepan kehilangan tanaman yang diusahakan hampir 30 tahun lalu tanpa pampasan seperti yang pernah dialami golongan petani dan penternak di kawasan berkenaan.

Semuanya berpuncu daripada tindakan sebuah syarikat yang diberikan kuasa oleh anak syarikat negeri Selangor yang mahu menjadikan Taman Agroteknologi Pertanian seluas 1,942 hektar sebagai kawasan pelombongan. Seorang peneroka, Md.



PENEROKA Taman Agroteknologi Pertanian Bestari Jaya mahu nasib mereka dibela oleh pihak berkaitan.

Shawaludin Kamdi, 33, berkata, mereka menerima surat berkaitan perkara itu pada 17 Jun lalu dengan sewa bulanan dikenakan sebanyak RM110 bagi

0.4 sehektar dan dianggap sangat membebankan.

"Sebelum ini, tiada sewaan dikenakan dan sewaan itu amat tinggi dalam keadaan harga ke-

lapa sawit tidak menentu," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Md. Shawaludin yang merupakan peneroka generasi kedua

menegaskan, pihaknya pernah berbincang bersama syarikat terlibat sebelum ini dan meminta surat kebenaran daripada kerajaan negeri sebagai bukti, namun mereka terus berdiam diri.

Katanya lagi, pihaknya juga sebelum ini turut menemui Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Rozana Zainal Abidin dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Ng Suee Lim, namun tidak sebarang perkembangan.

Sementara itu, Tan Kuan San, 69, melahirkan kekecewaan apabila syarikat terbabit tidak pernah berjumpa untuk berbincang setakat ini dan hanya menghantar memo sewa tanah.

"Ingat kami korek emas ke di sini? Tanaman kapala sawit memberikan pendapatan pada kami yang terdiri daripada kaum Melayu, India dan Cina.

"Lombong pasir sudah ada berdekatan sini, kenapa hendak kacau kawasan tanaman kelapa sawit ini," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



## KERATAN AKHBAR

5 October 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Mengesan kebocoran gas di pelantar minyak
Muka Surat	:	20



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



## KERATAN AKHBAR

5 October 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	35 belia wanita sertai kem 'Zero to Hero'
Muka Surat	:	32



RAZALI (belakang lima dari kanan) bergambar kenangan bersama peserta kem motivasi Zero to Hero di Kem Lambaian Danau, Jasin baru-baru ini.

## 35 belia wanita sertai kem 'Zero to Hero'

**MOTIVASI.** Seramai 35 belia wanita dari Kuala Selangor menyertai kem motivasi 'Zero to Hero' di Kem Lambaian Danau, Jasin, Melaka baru-baru ini. Kem anjuran Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) itu

bertujuan memupuk semangat kerjasama dan melatih ketahanan diri peserta dari aspek mental dan fizikal.

Peserta menjalani pelbagai aktiviti lasak antaranya adalah Extreme Running Man, Water

Confidence, Bridge Jumping, War Game dan Survival Skill.

Acara tahunan selama tiga hari itu turut disertai Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MDKS, Razali Abdul Mayas.



## KERATAN AKHBAR

5 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Gangguan bekalan air tidak berjadual di empat daerah
Muka Surat	:	13

## Gangguan bekalan air tidak berjadual di empat daerah

**SHAH ALAM** - Empat daerah iaitu Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang dijangka berdepan gangguan bekalan air tidak berjadual susulan insiden pencemaran air mentah di Sungai Semenyih.

Ketua Komunikasi Korporat, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elena Baseri berkata, Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihenti tugas sepenuhnya berikutan daripada insiden pencemaran tersebut.

Elena berkata, henti tugas loji berkenaan dijangka akan menyebabkan 273 kawasan terjejas dengan 309,605 akaun pengguna bakal berdepan gangguan bekalan air tidak berjadual.

"Air Selangor telah melaporkan insiden ini kepada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan tindakan untuk mengenal pasti punca pencemaran air mentah di sepanjang Sungai Semenyih

sedang giat dilaksanakan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Elina berkata, pihaknya juga telah mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) bagi menggiatkan bantuan kepada pengguna yang terjejas.

Katanya, buat masa ini Air Selangor masih belum dapat menjangkakan tempoh masa operasi semula loji dan pemulihan bekalan.

"Air Selangor akan memaklumkan perkembangan berkaitan insiden ini dari semasa ke semasa menerusi semua medium," katanya.



14 TAHUN #KEKALNEUTRAL



## KERATAN AKHBAR

**5 October 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bantu pelajar terjejas
Muka Surat	:	22

# Bantu pelajar terjejas

Kerajaan Selangor lancar Bantuan Prihatin Mahasiswa Darul Ehsan

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor melancarkan program Bantuan Prihatin Mahasiswa Darul Ehsan bagi membantu pelajar yang terkesan akibat penangguhan pendaftaran secara bersemuka bagi institusi pengajian tinggi (IPT).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri melalui Kaukus Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Muda Selangor dengan kerjasama Team Selangor, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Mahasiswa Keadilan dan Biro Maha-

siswa Angkatan Muda Keadilan (AMK) Malaysia akan menyalurkan bantuan awal kepada pelajar terlibat.

"Bantuan ini akan memfokuskan kepada tiga kategori pelajar IPT iaitu, pelajar dari Selangor yang belajar di Selangor, pelajar dari negeri lain yang belajar di Selangor dan pelajar Selangor yang belajar di negeri lain," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, kini pihaknya sedang berusaha untuk mengumpul maklumat daripada mahasiswa yang terjejas bagi menyediakan bantuan berupa pengangkutan untuk pulang ke kampung halaman, bantuan makanan ataupun bantuan berupa pelitup muka dan cecair pensanitasi tangan.

"Pelajar yang memerlukan bantuan boleh merujuk kepada pautan Borang Edaran TS Care Kit (IPTS): <http://bit.ly/mdekatA> dan Borang Bantuan Makanan Siswa Kampus Selangor (IPTA Sahaja) bagi proses permohonan serta maklumat tambahan.

"Kerajaan negeri berharap inisiatif ini dapat meringankan beban pelajar yang terkesan ketika ini," katanya.

Pada 27 September lalu, Kementerian Pendidikan Tinggi mencadangkan semua IPT menangguhkan terlebih dahulu pendaftaran bersemuka penuntut baharu dan lama ke kampus yang dijadual bermula bulan ini selepas menterinya mencadangkan penangguhan sama membabitkan penuntut dari kawasan yang dikecualikan sebagai zon merah jangkitan Covid-19 baru-baru ini

AMIRUDIN







KERATAN AKHBAR		
5 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	FREE USAGE OF FACILITIES
Muka Surat	:	2

## FREE USAGE OF FACILITIES

Shah Alam City Council (MBSA) is offering free usage of selected facilities on selected dates, as a show of gratitude to its dwellers for a peaceful and harmonious city. Parking fee at Wisma MBSA will be waived on Oct 9; while parking fee at Section 18 transportation hub, rental of theatre site at Padang C and rental of MBSA multipurpose hall for badminton and sepak takraw are waived on Oct 10. MBSA is also offering a 50% discount on compounds and free membership to MBSA library this month.



KERATAN AKHBAR		
5 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Klang Valley taps go dry again
Muka Surat	:	2

# Klang Valley taps go dry again

## Water cut to affect four districts

**PETALING JAYA:** Another river pollution has occurred, causing a water cut to parts of the Klang Valley, and prompting the newly-launched environmental crime prevention unit (UCJAS) to investigate the cause.

The Sungai Semenyih and Bukit Tampoi water treatment plants stopped operating yesterday after pollution was detected in Sungai Semenyih – the raw water source for both plants.

This happened just a month after the odour pollution in Sungai Gong led to water disruption, affecting 1,292 areas in the Klang Valley and nearly 1.2 million consumer accounts.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the source of the Sungai Semenyih pollution, which brought unscheduled water cuts to more than 300,000 accounts, was detected around Sungai Batang Benar in Negri Sembilan.

He said the source of pollution was 30km from the Sungai Semenyih plant.

"I have contacted the Negri Sembilan Menteri Besar in order to resolve this issue together," said Amirudin on his Twitter account last night following a visit to the Sungai Semenyih water treatment plant.

He added that work to remove the contamination was being carried out.

Also on the ground with Amirudin was Environment and Water Minister Datuk Seri

Tuan Ibrahim Tuan Man who said the source of pollution was found to be from around the Sungai Batang Benar industrial zone and that the odour was akin to that of carcasses.

"The exact location is still being investigated," he said on his Twitter account.

Tuan Ibrahim said that UCJAS, which was launched just last week, would investigate the matter.

"Yes, UCJAS will be investigating the case," he told *The Star*.

UCJAS consists of the Environment Department, the National Water Services Commission (SPAN), the Biosafety Department and the police.

Earlier, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) said the Sungai Semenyih and Bukit Tampoi water treatment plants had to completely stop operating following the Sungai Semenyih pollution.

The cessation of operations for these plants will affect 274 areas, whereby 309,687 account holders will have unscheduled water supply disruptions in four districts; namely Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat and Sepang.

As at press time, Air Selangor said that it could not indicate yet when water supply would resume.

"Air Selangor has activated its emergency response plan in order to provide assistance to affected consumers," it added.



## KERATAN AKHBAR

**5 October 2020**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	More properties abandoned in recent years
Muka Surat	:	3

# More properties abandoned in recent years

THERE are currently 178 abandoned houses, 464 vacant land and one abandoned factory under Petaling Jaya City Council's (MBPJ) jurisdiction.

A city council spokesperson said the problem had become more serious over the past few years.

"Owners leave their homes uninhabited, causing under-growth, trees and bushes to form, which make the surrounding area unsightly.

"This condition is a nuisance to the local community, and it invites animals such as snakes, rats and insects, which carry diseases, to breed," he said.

At the moment, MBPJ under its Health and Environment Services department issues cleaning order notices under the Eradication of Waste by-laws (Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran) 1999 to the landowners to clean up their premises within seven days.

"If the owner does not adhere

to the instructions, then the cleaning work will be carried out by the department and the cost is billed to the owner.

"This is to increase awareness on the need for owners to be more responsible for their property, and because many owners do not pay the cleaning cost," added the spokesperson.

In such cases, MBPJ will carry out enforcement under Section 74 of the Local Government Act 1976.

Under this section, any owner, occupier or tenant of a tenable house, building or land who leaves the property and surrounding land in a filthy and derelict state is guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine of no more than RM1,000 or jail term not exceeding six months or both, and an additional fine of no more than RM100 for each day during which the offence is continued after the conviction.

As of August, MBPJ issued 615 notices to clean up abandoned premises to errant owners.

The city council also issued four compounds and four notices for homeowners to appear in court during the same period.





## KERATAN AKHBAR

5 October 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Flash floods at Jalan 19A, Selayang need to be addressed
Muka Surat	:	4

# Flash floods at Jalan 19A, Selayang need to be addressed

By EDWARD RAJENDRA  
edward@tehstar.com.my

THE main road of Jalan 19A at Selayang Centre Point commercial area in Selayang Baru is prone to flash floods.

Water rises to an average knee height of 51cm whenever there is a downpour.

All it takes is half an hour of rainfall for roads to be filled with water.

Motorists who fail to remove their vehicles in time from Jalan 19A inadvertently suffer damage to their vehicles.

Clay vessel dealer, Phua Siew Hock, 50, said in April, continuous rain caused water levels to rise and his van which was parked along Jalan 19A was damaged in the incident.

"I could not do much as water had covered the van's tyres and seeped into the engine. Other cars along Jalan 19, Jalan 19B and the nearby areas were also partially submerged," he said.

Businessman, Lau Thia See, 80, said the issue of recurring flash floods had been raised to Selayang Municipal Council's (MPS) Engineering Department but it fell on deaf ears.

"Each general election promises are made for drainage rectification works but they are all empty promises.

"We are desperate for a solution as our businesses are affected," he added.

Ong Cheng San, 60, whose shop is at the corner of Jalan 1C and Jalan 19A said flash floods affected property and caused much economic hardship because cus-



Deveandran (second from left) discussing with MPS officers and traders on the drainage rectification works needed to overcome flash floods at Selayang Centre Point in Selayang Baru.

tomers shun the area.

"Water in the partially closed sump at the corner of Jalan 1C and Jalan 19A hardly flows out," he said.

Ong suggested to MPS to thoroughly desilt the drains.

Trader Lim Heng Kee, 71, said the flash flood problem was getting worse.

"I feel MPS has no proper planning in addressing the flooding problem.

"The actual reason is backflow from a network of drains that channels to a stream leading to Sungai Udang," he added.

Last Friday, shopkeepers gathered at Jalan 19A to protest against MPS' inaction in address-

ing the flash flood issue.

Social activist Goh Eng Guan, 57, said if MPS was unable to handle rectification works to overcome the flash floods, then it should call the Selangor Drainage Irrigation Department for assistance.

"If Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) contractors are not equipped with the tools to clean the drains then MPS should remove them."

"MPS should get its workers to do the job as it has all the tools including suction pumps," he said.

MPS councillor S. Deveandran said there were multiple issues causing the flash floods, ranging

from backflow of water as the drains were unable to cope with the volume of rainwater, to the lackadaisical attitude of KDEB workers in not removing silt and rubbish in the drains.

"The Selangor government allocated RM2mil to improve the drainage network but various issues of illegal extensions need to be addressed.

"We have to resolve this issue as even Jalan 11, Jalan 10A, Masjid At-Taqwa and the immediate areas experience flash floods.

"According to MPS engineers there is a need to have several retention ponds along the alignment of the stream to control the backflow of water," he said.



**KERATAN AKHBAR**  
**5 October 2020**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Leaning on reserves to face deficit
Muka Surat	:	4

**DEFICIT BUDGET**

